



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



KRAFTANGAN
MALAYSIA

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my | KRAFTANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

SESI BERSAMA MEDIA SEMPENA KEMPEN 'INI BATIK MALAYSIA' DAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA DENGAN PERSATUAN PENGENDALI UMRAH

KUALA LUMPUR, 8 SEPTEMBER 2023 – Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) mengadakan Sesi Bersama Media Sempena Kempen 'Ini Batik Malaysia' dan bertempat di Laman Wau, Kompleks Kraf Kuala Lumpur. Sesi ini dihadiri oleh Yang Berbahagia Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Yang Berusaha Puan `Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah, Kraftangan Malaysia serta para rakan media.

Sesi Bersama Media ini bermatlamat memberikan pendedahan, kesedaran serta pengetahuan mengenai batik Malaysia kepada rakan media melalui sesi taklimat batik Malaysia, peragaan, pameran dan demonstrasi Batik Canting, Batik Terap, Batik Sutera Saring dan Batik Alternatif.

Bertepatan dengan pengisytiharan Hari Batik Malaysia pada 3 Disember setiap tahun dan penguatkuasaan pekeliling Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Semasa Waktu Bekerja Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan bertarikh 21 Ogos 2023, diharapkan rakan media dapat menyebarkan dan menjadi medium sumber maklumat kepada masyarakat mengenai batik Malaysia. Secara langsung peranan rakan media membantu membudayakan pemakaian batik Malaysia dalam kalangan masyarakat.

Dalam majlis ini, turut diadakan acara menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan tiga (3) Persatuan Pengendali Umrah iaitu Persatuan Agensi Pelancongan Umrah & Haji (PAPUH), Persatuan Syarikat Pengendalian Pelancongan Bumiputera Malaysia (BUMITRA MALAYSIA) serta Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA). Memorandum persefahaman yang dimeterai ini bertujuan menggalakkan pemakaian batik kepada jemaah umrah Malaysia dalam usaha merakyatkan pemakaian batik Malaysia dan mempromosikan kraf tekstil batik ke luar negara.

Kraftangan Malaysia sentiasa berusaha memastikan industri kraf di Malaysia terus mendapat sambutan dan berkembang dari semasa ke semasa. MOTAC dan Kraftangan Malaysia menyeru agar rakyat Malaysia terus menyokong dan membeli produk keluaran tempatan bagi membantu industri kraf kekal berdaya saing. – **TAMAT** –